

04/09/2003

PM hadir perhimpunan bersama rakyat Ahad

ALOR STAR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri dua perhimpunan pemimpin bersama rakyat dalam lawatan kerjanya di kawasan parlimen Kubang Pasu, Ahad ini.

Dr Mahathir yang juga Ahli Parlimen Kubang Pasu, bersama isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan menyertai perhimpunan pertama di Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Banai, Wang Tepus pada jam 10.45 pagi sebelum hadir pada perhimpunan kedua di SK Tunjang pada jam 4 petang.

Di SK Sri Banai, Perdana Menteri akan menyampaikan sumbangan kepada 500 pelajar cemerlang di bawah Program Tunas Bistari anjuran Pemuda Umno Kedah.

Dr Mahathir akan makan tengah hari bersama rakyat di situ selepas menyampaikan sumbangan kepada anak yatim dan warga tua.

Selepas itu, beliau akan menghadiri perjumpaan tertutup bersama jawatankuasa Barisan Nasional Kubang Pasu di pejabat Umno Bahagian.

Pada majlis perhimpunan kedua, Perdana Menteri akan menerima penyerahan borang Umno termasuk daripada ahli Pas, selain memberi sumbangan kepada warga tua dan anak yatim.

Terdahulu, Dr Mahathir dan isteri akan melawat Pusat Pakar Perubatan Jitra selepas tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, pada jam 9.45 pagi.

Di situ, mereka akan melawat dan menyampaikan hamper kepada pesakit.